

Pendidikan sepanjang hayat perlu dibudayakan

6H - 14/5/86
KUALA LUMPUR 13 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, semangat pendidikan sepanjang hayat perlu dibudayakan oleh rakyat negara ini.

Menurutnya, ini penting supaya modal insan negara sentiasa menguasai ilmu pengetahuan serta kemahiran yang terkini dan ditunjang pula dengan nilai-nilai murni untuk menjadi tenaga kerja dinamik.

Menurut Abdullah, pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti akan turut memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa.

“Kerajaan menyanjung tinggi serta amat menghargai sokongan dan kerjasama padu yang diberikan oleh pihak majikan dan pekerja.

“Hubungan yang sedia terjalin ini perlu kita pertingkatkan bagi mengekalkan perhubungan yang harmoni ini,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian di dalam buku cenderamata sempena Perhimpunan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan di Stadium Bukit Jalil, di sini hari ini.

Tema sambutan kali ini ialah ‘Pekerja Cemerlang Negara Terbilang’.

Abdullah berkata, tema yang dipilih itu adalah tepat pada waktunya memandangkan modal insan negara perlu terus digilap kerana ia merupakan elemen terpenting.

“Pembangunan modal insan minda kelas pertama harus diutamakan dalam dunia globalisasi ini,” katanya.